



# SunCon perluas projek di India, ASEAN

Kepakaran dimiliki syarikat jadi taruhan raih projek mega di lokasi sasaran

Oleh Sharen Kaur  
bhbiz@bh.com.my

Sunway Construction Group Bhd (SunCon) sedang meninjau projek di India dan di rantau ASEAN sebagai sebahagian daripada strategi pengembangan serantaunya.

Pengarah Urusannya, Chung Soo Kiong, berkata SunCon yakin bahawa usaha serantaunya akan berjaya memandangkan kepakaran meluas yang dimiliki syarikat, pengalaman mendalam dan pendedahan terdahulu dalam menyelesaikan projek antarabangsa.

"Pengalaman kami dalam pelbagai projek rel, jalan raya, ban-

gunan dan projek tujuan khusus yang bernilai tinggi meletakkan kami dalam kedudukan baik untuk meneroka peluang dalam peranan rakan pelaksana projek (PDP), menyediakan penyelesaian turnkey, atau menyediakan penyelesaian khusus," kata Soo Kiong dalam satu temu bual.

Di India, SunCon sudah menyiapkan tujuh lebuhraya, meletakkan syarikat dalam kedudukan baik dalam penerokaan semasa untuk kerja pembinaan bagi kereta api dan infrastruktur jalan raya, kata Soo Kiong.

SunCon kini sedang berusaha mengemukakan tiga tender di India untuk kerja jalan raya, dengan semua tender berkenaan

akan ditutup tahun ini.

"ASEAN adalah pasaran yang menarik dengan peluang bernilai tiga trilion dolar.

"Kami sedang glat mengeksplorasi dan kami sedang meneroka perniagaan cerucuk di Singapura. Kami juga telah memulakan kerja penyelidikan di Filipina dan Indonesia," katanya.

Di Singapura, SunCon melabur S\$80 juta (RM242.40 juta) untuk membina Hab Pembinaan Bersepadu Berteknologi Tinggi (ICPH) bagi menghasilkan produk pembinaan.

Soo Kiong berkata, kemudahan itu akan beroperasi pada tahun 2021 dengan kapasiti

100,000 meter padu (m3).

Di Myanmar, SunCon bekerjasama dengan Capital Construction Ltd, bahagian pembinaan Capital Diamond Star Group (CDSG).

CDSG adalah satu daripada konglomerat yang paling dihormati dan terkemuka di Myanmar dengan perniagaan utama dalam sektor makanan, peruncitan, pembangunan hartanah, pembinaan, penjagaan kesihatan, perbankan, insurans dan kewangan mikro.

Lihat muka 22

SunCon yakin bahawa usaha serantau ini akan berjaya memandangkan kepakaran meluas yang dimiliki syarikat, pengalaman mendalam dan pendedahan terdahulu dalam menyelesaikan projek antarabangsa.

Chung Soo Kiong,  
Pengarah Urusan Sunway Construction Group Bhd



Gading Kencana hasil berani ambil risiko Muka 57